

# Horoskop 2010 Saharil.com



Capricorn  
22 Dec - 19 Jan

Sifat suka merancang membuatkan anda menyenaraikan azam-azam untuk tahun 2010 dan setiap langkah yang perlu anda lakukan untuk mencapainya.

Anda tulis azam2 itu di atas kertas kajang dan tampal di dinding supaya semua orang lain boleh lihat, sama ada kawan-kawan atau ahli keluarga.

Setelah anda mati dalam kemalangan ngeri, kawan-kawan dan ahli keluarga anda itu akan cuba menunaikan azam-azam anda itu sepanjang tahun.

Perbuatan mereka ini sungguh touching dan air mata anda akan berlinang dalam kubur. Tetapi, tangisan anda itu bukan semata2 kerana tersentuh atas perbuatan mereka, tetapi kerana anda diseksa Mungkar dan Nangkir.

# Horoskop 2010 Saharil.com



Aquarius  
20 Jan - 18 Feb

Dalam banyak-banyak kawan dan ahli keluarga, rasanya andalah yang paling intelligent. Tetapi, malangnya, kebijaksanaan anda itu tidak dihargai mereka semua, seolah-olah mereka tidak sedar ada individu genius di kalangan mereka.

Akhirnya anda berhenti berkawan dengan manusia dan mula berasa lebih selesa di kalangan kaum haiwan.

Anda bernikah dengan seekor singa. Harian Metro memaparkan perkahwinan anda di front page. Anda ditangkap JAIS. Singa mengamuk dan makan petugas JAIS. Perhilitan tembak anda dengan pelali. Singa makan petugas perhilitan dan menyelamatkan anda, lari ke dalam hutan.

Beberapa bulan kemudian, anda akan bercerai kerana Singa itu panas baran. Singa makan anda. Anda makan singa balik, tetapi dapat bahagian paha sahaja kerana anda mati. Semua ini begitu Cannibal Holocaust. Harian Metro dapat menjual banyak akhbar kerana anda.

# Horoskop 2010 Saharil.com



Pisces  
19 Feb - 20 Mar

Anda seorang yang sensitif, banyak perkara dapat menyentuh hati anda, membuatkan anda cepat marah atau sedih.

Mata anda menjadi sensitif dalam bulan april, selalu merah dan berpinar. Dalam pertengahan tahun, kulit anda pula akan menjadi sensitif, selalu gatal dan timbul tompok merah-merah.

Rupa-rupanya anda menghidap kusta. Penyakit tersebut membuatkan anda semakin sensitif, selalu melenting atau menangis atau kedua-duanya sekali dalam satu masa.

Mata anda yang sensitif tadi itu akan tercabut, lalu anda simpan di dalam balang. Anda pakai penutup mata macam pirate dan membawa balang biji mata ke mana-mana. Satu lagi mata anda akan selalu menangis kerana anda memang sensitif. Orang akan panggil anda Lanun Air Mata.

Kesemua kaki dan tangan anda akan tanggal akibat kusta dan anda akan jadi feature dalam satu episod rancangan Bersamamu. Semua orang menangis tetapi tidak mahu menderma, jadi anda akan mati.

# Horoskop 2010 Saharil.com



Aries  
21 Mac - 19 Apr

Anda seorang yang gemar mengembara dan suka membuat keputusan mengikut gerak hati. Hati anda akan dijangkiti kanser pada pertengahan tahun. Maka, sejak itu, anda tidak boleh mengembara dan membuat keputusan mengikut gerak hati.

Setiap kali mahu membuat keputusan, anda kena menyoal orang lain dan menyelami hati mereka. Ini membuatkan anda berasa stres.

Selepas itu, orang lain membuat keputusan menyuruh anda berjumpa psikiatris. Psikiatris sangat mahal dan invois yang diberikan membuatkan sakit hati kanser anda. Maka, makinlah teruk anda dirundung tekanan perasaan.

Psikiatris, melihat keadaan anda, merujuk anda ke wad sakit jiwa. Anda disuruh mendaftarkan diri di Tanjung Rambutan tetapi anda mati.

Anda hidup semula dan menjadi 'Hantu Hati'. Malam-malam, anda menyergah budak-budak balik mengaji dan makan hati mereka. Anda muntah kerana hati tidak sedap dimakan. Selepas itu, anda cuba menggoreng hati budak-budak mengaji dengan kicap, tetapi masih tak sedap. Anda bosan dan mati betul-betul.

# Horoskop 2010 Saharil.com



Taurus  
20 Apr - 20 May

Anda seorang yang lemak berkrim dan disukai ramai.  
Budak-budak yang melihat akan datang dan menjilat  
kerana anda memang sedap.

Kalau anda ke pasar mahu membeli daging, semua makcik-  
makcik di pasar datang kepada anda kerana mahu membeli  
daging anda. Setiap kali ke salun, penggunting rambut akan  
menyimpan rambut anda untuk dibuat sup.

Sewaktu tidur pun orang tidak boleh tahan dengan  
kesedapan anda, ada sahaja stranger tak dikenali muncul  
tiba-tiba datang menggigit-gigit badan anda. Bangun tidur  
sahaja, mesti ada bekas-bekas gigitan berdarah dan daging  
yang bercelabing.

Lama-lama, kerana dimakan orang itu, anda menjadi  
semakin kurus dan langsing. Anda mendapat idea untuk  
memulakan bisnes slimming centre. Tetapi bisnes anda tidak  
berjaya kerana anda kurus melampau menjadi tengkorak.  
Orang menjadi takut melihat anda.

# Horoskop 2010 Saharil.com



Gemini  
21 May - 20 Jun

Anda seorang yang sosial dan suka mengambil tahu semua cerita dan gosip tentang orang lain. Kehadiran anda sentiasa memeriahkan suasana. Semua orang sukakan anda kecuali ada seorang individu yang memang membuatkan anda menyampah sejak dari sekolah lagi. Mungkin beliau membenci kerana jakikan populariti anda. Setiap peluang, beliau akan menyebarkan fitnah dan tohmahan tentang anda kepada orang lain.

Anda akan membunuh beliau menggunakan candlestick, kerana anda memang tidak suka orang berhati busuk macam tu. Beliau akan datang sebagai hantu dan terus menyebarkan fitnah dan tohmahan terhadap anda ke alam nyata dan alam barzakh. Hidup anda menjadi porak poranda kerana ramai kawan-kawan dan ahli keluarga anda yang hidup dan yang mati mpercayai kata-kata hantu itu.

Ketika tidur, anda akan perasan hantu itu berdiri di katil, memerhati anda dengan seringai dan mata merah. Matanya merah kerana terbubuh lipstik di bebola mata. Mulai tahun ini, tiap-tiap hari hantu itu akan memerhati anda, sehingga bertahun-tahun. Anda tidak akan sedar yang sebenarnya dia bukan membenci anda, tetapi meminati anda dalam diam. Dia hanya mahu menarik perhatian anda.

# Horoskop 2010 Saharil.com



Cancer  
21 Jun - 22 Jul

Kerana zodiac anda cancer, anda risau akan menghidap kanser, lalu pergi menjalani rawatan kemoterapi, walaupun doktor kata anda sihat walafiat. Rambut anda gugur dan anda jadi cengkung kerana rawatan tersebut.

Anda pergi ke Pusat Rawatan Rambut Yun Nam untuk membaja kulit kepala anda, supaya rambut baru tumbuh subur. Tetapi rambut anda degil, tidak mahu tumbuh-tumbuh, kulit kepala anda pula yang tanggal.  
Jadi anda menggunakan rambut palsu.

Rupa-rupanya rambut palsu itu diperbuat daripada rambut manusia asli seorang mayat dari India. Setiap malam, hantu mayat itu akan datang ke dalam kamar anda, mencuba wig tersebut seraya berkata, 'lawa tak rambut saya?' tetapi di dalam bahasa Urdu.

Kadang-kadang hantu itu akan membawa wig anda ke dalam bilik air untuk menyampunya. Selepas itu dia akan berbaring di sebelah anda sambil mengusap-usap kepala botak anda dan menangis teresak berlinang-linang air mata.

# Horoskop 2010 Saharil.com



Leo  
23 Jul - 22 Aug

Anda mempunyai sifat-sifat seorang ketua, kata-kata anda selalu dipatuhi dan dipersetujui sanak saudara dan sahabat handai. Anda mempunyai portfolio menjadi ketua yang mengepalai banyak persatuan dengan berjaya.

Satu hari, ketika anda menjadi ketua sebuah rombongan, satu kemalangan telah berlaku, dan semua orang di dalam rombongan anda mati. Lalu anda menjadi ketua mereka di alam kubur.

Sebagai seorang ketua, anda berasa bertanggungjawab melihat anak-anak buah anda terjerit kesakitan menerima seksaan kubur. Anda mesti membuat sesuatu.

Anda pergi berjumpa ular yang sedang menyeksa seraya berkata, 'Wahai Suja'ul Akra', bolehkan saya minta berdiplomasi?'. Ular itu menjegilkan matanya yang diperbuat daripada api, lalu mengetuk kepala anda dengan penukul gergasi. Tubuh anda masuk ke dalam tanah dan anda mengambil masa 2 hari untuk keluar semula. Dengan hampa, anda pun balik ke dalam keranda sendiri. Di alam kubur, anda adalah ketua yang gagal.

# Horoskop 2010 Saharil.com



Virgo  
23 Aug - 23 Sep

Sifat anda yang suka menyelidik dan menimba pengetahuan membuatkan anda terserempak banyak rahsia tentang ahli keluarga dan rakan-rakan sendiri. Pengetahuan anda itu membuatkan semua orang risau. Masing-masing menjauhkan diri atau cuba membunuh anda. Ada sahaja orang yang mahu meracun anda atau melanggar kereta anda di jalan raya, namun, anda sentiasa akan terselamat.

Anda akan disantau dalam bulan Ogos.

Perut anda akan membusung dan anda akan muntah darah. Dalam muntah anda itu akan ada ranting-ranting kayu, segumpal rambut dan ulat bulu. Ulat bulu itu menyangkutkan dirinya pada ranting kayu lalu menggunakan rambut untuk membuat kepompong. Dia menjadi kupu-kupu yang cantik.

Lepas itu busung perut anda akan pecah tetapi yang keluar adalah serpihan kaca, nanah, dan satu naskah buku antologi Lagi Cerpen-Cerpen Underground oleh Saharil Hasrin Sanin dan Faisal Tehrani. Untuk berubat, anda berjumpa Dr Harun Din tetapi bila dia nak pinjam buku itu, anda tidak kasi. Dr Harun Din kecil hati dan tak mahu mengubat anda. Anda mati.

# Horoskop 2010 Saharil.com



Libra  
24 Sep - 23 Oct

Anda seorang yang kreatif tetapi sukar membuat keputusan dan membuat pilihan. Maka, anda tidak tahu mahu menceburi bidang kreatif yang mana satu, sama ada benyanyi, berlakon, melukis, menulis, arkitek, pelawak, atau beratus karier kreatif lagi.

Lalu anda menjadi superhero, kerana anda fikir, seorang superhero menggabungkan semua bidang kreativiti. Malam-malam anda akan menyarungkan pakaian superhero dan cuba membasmi jenayah. Anda memakai dua seluar dalam, satu di luar dan satu di dalam, manakala di tengah-tengah adalah seluar trek.

Ketua Polis Negara menelefon anda satu hari, berkata bahawa untuk menjadi superhero anda perlukan superpower, tetapi anda tiada kuasa apa-apa. Dia cadangkan anda dedahkan diri sendiri kepada radiasi atau membiarkan diri anda digigit haiwan mutan. Setelah mengikut cadangannya, anda mati.

# Horoskop 2010 Saharil.com



Scorpio  
24 Oct - 21 Nov

Anda seorang yang baran dan suka marah-marah. Kadang-kadang, walaupun anda tidak marah, orang akan salah sangka dan menyangkakan anda sedang melenting sebab anda memang jenis orang yang mudah baran. Kadang-kadang, percakapan anda yang passionate akan disilap tafsir sebagai tengkingan.

Setelah mengamalkan yoga dan pilates, baran anda berkurangan dan posture anda juga bertambah baik. Kulit anda pun jadi semakin mulus. Anda akan mendapat kerja sampingan sebagai model peragawan.

Kerana baju yang anda pakai banyak yang seksi-seksi, anda akan menjadi perhatian media masa. Mufti mengeluarkan fatwa tentang anda, mengatakan anda haram. Anda menyimbah asid ke muka mufti.

Anda dipenjarakan tetapi Beyonce akan menyelamatkan anda. Anda bersembunyi di sebuah pulau. Mufti datang dengan daging muka berdarah bercerai-berai bekas simbahan asid, memegang mesingan, mahu membunuh anda. Beyonce mati ditembak. Anda dan mufti bertumbuk sampai ke titisan darah terakhir.

# Horoskop 2010 Saharil.com



Sagittarius  
22 Nov - 21 Dec

Anda akan banyak mengembara tahun ini.  
Walaupun cuti anda habis, anda akan ambil MC.  
Pada bulan september, anda tidak perlu mengambil MC tipu lagi,  
kerana anda memang sakit. Dan diberhentikan kerja.

Penyakit anda aneh, kulit anda bertukar warna menjadi hijau  
dan keluar bintil-bintil kuning. Anda sebenarnya sedang berubah  
menjadi sejenis pokok herba.

Anda akan dihukum sebat oleh mahkamah syariah atas hukuman  
mengubah kejadian Tuhan. Anda berkeras mengatakan anda  
tidak mengubah apa-apa, tubuh anda yang membuat keputusan  
menjadi herba. Ketika disebat, tubuh anda terkoyak dan  
mengeluarkan getah, memercik-mercik kepada semua orang  
di kandang saksi. Mereka menjadi takjub kerana  
getah anda begitu sedap.

Kementerian Pertanian mengambil benih anda untuk dikultur  
dan diladangkan secara komersial.  
Anda akan dieksport ke seluruh dunia.  
Anda akan banyak mengembara tahun ini.

## Penafian

Horoskop Saharil.com tidak bermaksud mempersenda sesiapa kerana mempersenda budaya mempercayai horoskop, kerana itulah setiap ramalan dibuat sebegitu fantasi & fantastik. Kerana bukannya begitu fitrah horoskop: fantasi?

- Saharil  
saharil.com